

# IBS Digital memenuhi permintaan rumah mampu milik: PM

> Inovasi, teknologi bantu capai sasaran 1 juta kediaman dalam 10 tahun

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Zaky Zainuddin  
bhnews@bh.com.my

Banting

Segmen rumah mampu milik akan bergantung kepada inovasi dan tek-

nologi digital seperti Sistem Binaan Berindustri (IBS) Digital bagi memenuhi permintaan pada masa depan, kata

Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata IBS Digital, membabitkan Model Maklumat Bangunan (BIM), iaitu perisian reka bentuk dalam talian digunakan bersama dengan IBS dalam projek perumahan awam, akan membantu kerajaan mencapai sasaran pembinaan sejuta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun.

Beliau berkata, pada masa sama, IBS Digital juga memberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja tempatan untuk masa hadapan.

“Teknologi IBS Digital akan membolehkan pemaju membina rumah yang lebih murah dalam tempoh yang singkat. Ia juga kurang bergantung kepada tenaga buruh, sekali gus mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja



[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]

**Dr Mahathir diberi penerangan mengenai operasi kilang selepas merasmikan kilang Gamuda Digital IBS di Kawasan Perindustrian Bandar Mahkota, Banting, semalam.**

asing serta aliran keluar modal tahunan.

## Rancakkan pertumbuhan ekonomi negara

“Rumah mampu milik bersama-sama dengan capaian mudah melalui infrastruktur pengangkutan awam berintegrasi, termasuk kereta api, akan mempertingkatkan hubungan dan merancakkan aktiviti perniagaan serta pertumbuhan ekonomi.

“Ia selari dengan aspirasi dan strategi kerajaan untuk perumahan nasional,” katanya ketika merasmikan kilang Gamuda Digital IBS di Kawasan Perindustrian Bandar Mahkota, Banting, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar; Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda, Datuk Lin Yun Ling dan Ahli Lembaga Pengarah Gamuda Ber-

had, Raja Datuk Seri Eleena Sultan Azlan Shah.

Dr Mahathir berkata, penggunaan teknologi IBS Digital itu bertepatan kerana ia berkembang dengan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0), trend teknologi automasi dan pembuatan terkini serta BIM.

Beliau berkata, Gamuda Berhad patut dipuji kerana melabur lebih RM500 juta bagi pembinaan dua kilang berteknologi tinggi di Sepang dan Banting.

## Pembinaan lebih pantas

“Tindakan mereka ini boleh menetapkan trend dalam meningkatkan dan mengubah industri pembinaan. Pembuatan digital untuk industri pembinaan bukan sahaja membantu kerajaan membina rumah mampu milik pada masa depan, malah akan menyumbang kepada pembinaan lebih pan-

tas, mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing dalam sektor pembinaan, peningkatan kemahiran dalam kalangan tenaga kerja pembinaan Malaysia dan kualiti yang lebih baik.

“Saya dimaklumkan rumah mampu milik dibina menggunakan piawaian sama dengan rumah mewah,” katanya.

Perdana Menteri berkata, sebagai sebuah negara membangun, antara keutamaan kerajaan adalah untuk menyediakan rumah mampu milik untuk rakyatnya, terutama dalam membantu mereka yang berpendapatan rendah memiliki rumah di lokasi bersesuaian untuk mendapat peluang pekerjaan dan ekonomi.

Dr Mahathir berkata, ia akan meningkatkan status sosioekonomi golongan itu serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi sihat untuk negara.